

## *Mempertingkatkan Kemahiran Lisan dan Penulisan Menerusi Literasi Media*

**Mazni Abu Bakar**

mazni\_abu\_bakar@schools.gov.sg

**Esfan Rizal Rahwom**

esfan\_rizal\_rahwom@schools.gov.sg

**Sekolah Menengah Tampines**

### *Abstrak*

Para pelajar secara umumnya kurang berpengetahuan tentang ehwal semasa kerana kurang berminat membaca. Masalah ini menghambat penghasilan penulisan yang baik dan rasa kurang yakin dalam menyampaikan pandangan mereka semasa perbualan lisan. Kajian ini menerapkan kaedah VARK (*Visual, Aural, Read/Write dan Kinaesthetic*) untuk mengkaji kecenderungan pelajar dalam pembelajaran. Kajian ini juga menggunakan kaedah ACE (*Authentic, Collaboration dan Experiential*) yang menggunakan rutin berfikir untuk menggalakkan pelajar berfikir di aras metakognitif. Akhbar digital dan infografik yang dihasilkan oleh pelajar menjadi alat penilaian utama. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan keupayaan pelajar dalam penulisan e-mel dan berkeyakinan semasa mereka memberi pandangan mereka dalam perbualan lisan.

Kata kunci: VARK, ACE, metakognitif, infografik, akhbar digital

## **PENGENALAN**

Kemahiran lisan dan penulisan pelajar sering kali menjadi kerpihatinan guru Bahasa Melayu. Pelajar sering menghadapi masalah kekurangan pengetahuan tentang hal ehwal semasa dan kelemahan penguasaan kosa kata ketika bertutur secara lisan. Disebabkan ini, pelajar tidak dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Dengan penggunaan bahan bacaan digital yang meluas dan terdedahnya pelajar kepada literasi media, pelajar diharapkan dapat memahami apa yang dibaca sekali gus menjana informasi yang terdapat dalam artikel surat khabar yang dibaca dan menghubungkaitkannya dengan pemahaman pelajar.

Selain kurang berpengetahuan tentang hal ehwal semasa, pelajar menghadapi masalah untuk memberi isi-isi yang konkrit semasa menghuraikan soalan e-mel dan perbualan lisan. Dua kelemahan ini menjadikan pelajar kurang yakin apabila diminta memberi pandangan kerana kosa kata yang terhad.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. menarik minat pelajar untuk membaca surat khabar dan memahami kandungan yang dibaca;
2. merangsang pelajar berfikir secara mendalam (metakognitif) sebelum, ketika dan sesudah menghasilkan akhbar digital dan infografik; dan
3. menggalakkan pelajar belajar secara sendiri.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Kemahiran menulis e-mel dan perbualan lisan merupakan hambatan utama bagi pelajar untuk mendapatkan markah cemerlang. Ini disebabkan kelemahan penguasaan kosa kata yang berpunca daripada kurang pendedahan membaca akhbar atau mendengar berita tentang ehwal semasa. Ini merupakan masalah yang amat dikhuatiri guru kerana kemahiran-kemahiran seperti bertutur,



membaca dan menulis amat penting untuk mempersiapkan pelajar menduduki peperiksaan kertas Bahasa Melayu.

Kemahiran berfikir secara kreatif, kritis dan mendalam merupakan satu kemahiran berfikir pada aras metakognitif yang penting dalam pendidikan. Budaya berfikir dalam kalangan pelajar dapat menghasilkan pelajar yang tajam akal. Namun, pelajar masih tidak dapat berfikir secara aktif, kritis, mendalam dan kurang menyerlah dalam kalangan pelajar. Hal ini disahkan lagi dengan prestasi pelajar yang kurang memuaskan dalam bahagian perbualan ujian lisan, penulisan e-mel dan karangan ekspositori. Pelajar sukar untuk menghuraikan idea dengan baik. Ada kalanya, guru perlu merangsang pelajar dengan soalan-soalan rangsangan yang dipermudahkan agar pelajar dapat memahami maksud soalan dan dapat memberi pandangan mereka. Selain itu, pelajar juga menghadapi kesukaran untuk menggambarkan idea dan menggunakan istilah serta kosa kata yang tepat. Akibatnya, hasil penulisan mereka tidak menyerlah dan kurang meyakinkan.

Justeru, guru terdorong untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bukan sahaja seronok tetapi juga dapat menjana pemikiran secara kreatif, kritis dan mendalam untuk meningkatkan minat pelajar membaca surat khabar dan melungsur Internet untuk membaca artikel-artikel ehwal semasa secara menyeronokkan sekali gus dapat meningkatkan pengetahuan, meluaskan penguasaan kosa kata pelajar dan akhirnya dapat menghasilkan surat khabar digital dan infografik yang menarik.

## **KAJIAN LEPAS**

Menurut Steve Revington (2016), pendidikan mempunyai satu tujuan utama iaitu untuk menyediakan pelajar berdepan dengan dunia nyata. Untuk melakukan hal tersebut, kita perlu menyediakan peluang pembelajaran yang berterusan dan sahih kepada pelajar kita. Bukan sahaja PdP perlu berfokus kepada pembelajaran yang autentik, pembelajaran juga perlu menggalakkan kolaborasi dan dapat mewujudkan pengalaman yang menyeronokkan bagi pelajar.



Pierre Paul Gagné et al. (2009) pula berpendapat, dengan menggalakkan pelajar berfikir secara metakognitif, guru memberi ruang untuk pelajar menjadi lebih aktif dalam pembelajaran mereka, iaitu untuk menggerakkan semua sumber daya mereka agar dapat memperoleh pengalaman belajar yang berkesan. Untuk melakukan ini, mereka mesti mengetahui cara mereka belajar dan mengetahui langkah-langkah yang diikuti dan cara-cara yang digunakan untuk memperoleh pengetahuan, menyelesaikan masalah, dan melaksanakan tugas.

Quinlyn Shaughnessy (2020) menggagaskan lima cara yang berkesan untuk mengasah kemahiran literasi media. Pertama, mula bertindak dan berhenti mencari. Pelajar perlu diberi peluang untuk melalui pengalaman yang autentik. Melalui pengalaman, pelajar dapat mempelajari sesuatu ilmu dengan lebih baik. Kedua, perbincangan penting untuk melerai kan sesuatu kemusykilan. Ketiga, menyediakan wahana yang membantu pelajar menggarap informasi yang dibaca di Internet. Keempat, memberi ruang untuk pelajar merujuk lalaman-lalaman yang sah dan akhir sekali, menggalakkan pelajar membentangkan dapatan kajian mereka.

Kristin Lucas (2018) yakin literasi media penting kerana menggalakkan pelajar berfikir secara kritis, memberi kesedaran untuk lebih bertanggungjawab dan lebih menggalakkan pelajar mengekspresi diri.

Fleming dan Mills (1992) pula menjelaskan empat gaya pembelajaran pelajar, iaitu satu teori singkatan VARK yang bermaksud 'Visual, Aural, Read/Write dan Kinesthetic' (Pandang, Dengar, Baca/Tulis dan Amali). Kajian ini telah dijalankan untuk melihat kecenderungan pelajar ketika melalui proses pembelajaran.

Banyak lagi kajian lain yang mengesahkan bahawa literasi media dapat membantu pelajar berfikir secara mendalam, lebih kritis dan tidak secara langsung dapat meluaskan pengetahuan mereka dalam ehwal semasa dan mempertingkatkan kosa kata dan istilah-istilah. Dengan kemahiran ini, pelajar lebih berkeyakinan dan sekali gus berupaya menghasilkan daya penulisan yang lebih baik di samping menjadi penutur yang lebih konfiden.



## KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, pelajar telah diperkenalkan dengan literasi media untuk memberikan mereka pendedahan membaca akhbar dan menjana informasi yang dibaca itu serta membuat laporan tentang artikel yang telah dibaca itu. Pelajar juga diberi kebebasan untuk memilih tema mereka sendiri dan akhirnya menghasilkan surat khabar digital bagi pelajar aliran Ekspres dan Normal Akademik (NA) dan infografik bagi pelajar aliran Normal Teknikal (NT).

### Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 298 pelajar Menengah 1 hingga 3 daripada ketiga-tiga aliran iaitu Ekspres, NA dan NT. Menengah 1 terdiri daripada 82 orang pelajar, Menengah 2 terdapat 96 orang pelajar dan Menengah 3 pula terdiri daripada 120 orang pelajar. Pemilihan subjek bagi kajian ini berdasarkan pada pendedahan mereka kepada penulisan e-mel dan perbualan lisan. Dengan itu, pengenalan kepada literasi media seperti membaca artikel-artikel di surat khabar serta membaca artikel tentang ehwal semasa di Internet merupakan satu kaedah untuk meningkatkan pemahaman pelajar mengenai teks yang dibaca, menjana dan mengaitkan informasi, meningkatkan kosa kata dan kegiatan susulan adalah untuk menyiapkan projek dalam bentuk akhbar digital dan infografik. Pelajar aliran Ekspres dan NA perlu menghasilkan akhbar digital sementara pelajar aliran NT menghasilkan infografik.

### Instrumen Kajian

Satu kajian tentang gaya pembelajaran pelajar berdasarkan kecenderungan pembelajaran menurut VARK yang bermaksud '*Visual, Aural, Read/Write dan Kinaesthetic*' (Pandang, Dengar, Baca/Tulis dan Amali) bagi kesemua pelajar Menengah 1 hingga 3 dalam aliran Ekspres, NA dan NT telah dilakukan.

Seterusnya, pelajar juga dinilai melalui praujian penulisan e-mel dan pembentangan secara lisan. Ujian ini berfungsi untuk dijadikan bahan perbandingan tentang penerimaan dan keberkesanan teknik yang dijalankan. Pascaujian penulisan e-mel dan lisan juga diambil kira sebagai kayu ukur akan keberkesanan projek yang dijalankan ini.



Lembaran renungan, penilaian sendiri dan penilaian rakan sebaya juga diadakan agar pemantauan dan lapor balik daripada guru kepada pelajar sentiasa berlaku semasa proses menghasilkan projek akhbar digital dan infografik ini. Proses pemantauan awal sangat penting kerana guru dapat memperbaiki kelemahan dan kesilapan pelajar daripada awal projek hingga akhir projek.

## **Prosedur Kajian**

Kajian menentukan kecenderungan pembelajaran berdasarkan VARK mendapati 60% pelajar merupakan pelajar yang cenderung belajar secara 'Visual' dan 'Kinaesthetic' (Pandang dan Amali). Ini mengukuhkan lagi keputusan untuk menggunakan literasi media dalam kajian selanjutnya.

Setelah memastikan gaya pembelajaran pelajar, guru membuat perancangan dan lakaran rancangan pelajaran bagi kajian ini. Kajian ini dijalankan selama lima minggu dalam Penggal 3. Setiap sesi dijalankan selama satu jam. Pada awalnya, pelajar diperkenalkan kepada matlamat projek, kriteria kejayaan dan tema-tema masa kini yang relevan. Pelajar-pelajar dibenarkan membuat projek secara individu, berpasangan atau berkumpulan. Mereka juga diberi ruang untuk memilih tema pilihan mereka, nama akhbar dan logo akhbar. Dengan itu, pelajar diajak untuk memainkan peranan mereka sebagai wartawan.

Pada sesi kedua, guru memberi contoh akhbar digital dan infografik sebagai kayu ukur bagi pelajar semasa mereka menghasilkan projek mereka itu. Guru juga memberi panduan agar pelajar tidak tersasar daripada tema yang dipilih. Selain itu, guru juga memberi lembaran kerja yang menggunakan strategi rutin berfikir seperti Jana, Susun, Hubung Kait, 'Compass View', Roda Analisis Paul dan sebagainya. Strategi-strategi yang disebutkan ini digunakan oleh para guru mengikut profil pelajar dan keupayaan pelajar masing-masing.

Seterusnya, guru mengajar pelajar cara-cara untuk menulis laporan yang mudah, mengenal pasti tajuk utama akhbar, subtajuk dan isi-isi penting. Pelajar mencari artikel-artikel yang bersangkutan dengan tema yang dipilih di



surat khabar dan juga di laman Internet untuk mengumpul informasi sebelum mereka memberi pandangan semasa mereka menghasilkan akhbar digital dan infografik masing-masing. Pelajar merujuk lembaran kerja yang diberikan oleh guru untuk berbincang secara kolaboratif bersama rakan sekumpulan mereka mengenai kesesuaian artikel yang dipilih dan relevan dengan tema. Pelajar digalakkan untuk menghasilkan akhbar mereka sendiri dan memainkan peranan mereka sebagai wartawan. Proses ini menggalakkan pelajar berfikir secara mendalam dan kritis kerana mereka akan menghasilkan akhbar mereka dengan baik.

Pada sesi keempat, pelajar ke makmal komputer untuk menghasilkan akhbar mereka. Pelajar digalakkan menggunakan platform ICT seperti *PowerPoint*, *Google Slides*, *Canva*, *Padlet* dan sebagainya untuk menghasilkan akhbar digital dan infografik mereka. Guru memantau perkembangan projek pelajar sambil memberi pandangan. Dalam proses menyediakan projek ini, guru dapat melihat pelajar lebih proaktif dan banyak berbincang sebelum mereka memasukkan laporan, pandangan, gambar, video dan informasi yang relevan dalam akhbar mereka. Guru juga dapat melihat pelajar mempelajari istilah-istilah baharu dengan mencari maknanya di Internet.


Sebelum membuat pembentangan pada sesi terakhir, guru memberi lembaran yang mengandungi rubrik pembentangan kepada pelajar. Lembaran penilaian rakan sebaya diberikan agar pelajar dapat menilai rakan mereka sewaktu sesi pembentangan. Dalam lembaran ini, pelajar diminta memikirkan dua perkara positif dan dua perkara negatif yang mereka hadapi semasa melaksanakan projek ini. Sesi pembentangan akhbar digital dan infografik ini merupakan praujian. Dapatan pascaujian diambil daripada Peperiksaan Akhir Tahun untuk komponen penulisan e-mel dan lisan.

# DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

## Analisis Dapatan Praujian dan Pascaujian

Dapatan praujian dan pascaujian daripada penulisan e-mel yang dijalankan pada pelajar Ekspres dan NA bagi Menengah 1 hingga 3 telah menunjukkan kenaikan yang positif, iaitu daripada 49 kepada 58 peratus seperti yang dipaparkan dalam Rajah 1.

**Rajah 1: Markah Praujian Dan Pascaujian Bagi Penulisan E-mel**




Terdapat kenaikan yang positif juga dilihat pada perbualan lisan yang diambil dari praujian dan pascaujian bagi Menengah 1 hingga 3 setiap aliran iaitu aliran Ekspres, Normal (Akademik) dan Normal (Teknikal) seperti yang dilihat di Rajah 2. Peningkatan purata sebanyak 60% kepada 69% dapat dilihat dalam Rajah 2.





**Rajah 2: Markah Praujian Dan Pascaujian Bagi Perbualan Lisan**



Maka, analisis dapatan keseluruhan mengesahkan peningkatan yang berkesan. Oleh itu, perbincangan analisis merumuskan bahawa projek ini jelas menunjukkan bahawa tahap keyakinan pelajar dalam penulisan e-mel dan perbualan lisan meningkat.

## **KESIMPULAN**

Secara tuntas, tidak dapat dinafikan bahawa percubaan projek akhbar digital dan infografik telah menggalakkan proses pembelajaran pelajar secara menyeronokkan berjaya mengubah persepsi pelajar terhadap pembelajaran penulisan e-mel dan perbualan lisan. Pendekatan yang autentik, menggalakkan kolaborasi antara para pelajar dan pengalaman secara main peranan sebagai seorang wartawan menjadikan pelajar lebih yakin dan tidak takut untuk mencari informasi sekali gus meningkatkan penguasaan kosa kata dan pengenalan istilah. Matlamat untuk menarik minat pelajar membaca akhbar dan memahami apa yang dibaca, merangsang pemikiran pelajar secara metakognitif serta memberi ruang dan peluang untuk pelajar belajar secara sendiri telah tercapai.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Nurliyana Hasan
2. Marini Musa
3. Nadia Lamri
4. Hamisah Sheikh Nahji
5. Nuraisyah Razali

## RUJUKAN

Fleming dan Mills (1992). *Assessment of Learning Using Fleming & Mills' VARK Learning Styles* from Journal AC 2012-2949: ASSESSMENT OF LEARNING USING FLEMING & MILLS' VARK LEARNING STYLES Dr. Mysore Narayanan, Miami University

Pierre Paul Gagné et al. (2009). *Metacognitive Strategies or "Thinking About My Thinking"* from <https://www.ldatschool.ca/metacognitive-strategies-or-thinking-about-my-thinking/> (15.01.2021)

Kristin Lucas (2018). *What is Media Literacy and Why is it important?* from <https://www.socialmedia.biz/what-is-media-literacy-and-why-is-it-important/> (15.01.2021)

Steve Revington (2016). *Defining Authentic Learning by Steve Revington* from <http://authenticlearning.weebly.com/>(15.01.2021)

Quinlyn Shaughnessy (2020). *5 ways to Teach Effective Media Literacy Skills in your Classroom* from <https://newscollab.org/2020/05/20/5-ways-to-teach-effective-media-literacy-skills-in-your-classroom/> (15.01.2021)

